

Penduduk lega surau dinaik taraf masjid

Seremban: Ketidakselesaian jemaah Surau Al-Mu'allimin di Taman Guru, di sini, yang terpaksa bersesak-sesak setiap kali solat Jumaat sejak hampir dua tahun lalu, berakhir apabila surau itu dinaik taraf menjadi masjid.

Ahli kariah masjid itu, Mohd Faisal Abdullah, 36, berkata, surau itu sebelum ini menerima bilangan jemaah yang terlalu ramai setiap kali solat Jumaat, sekali gus me-

nyebabkan jemaah yang tiba lewat terpaksa bersolat di luar bangunan.

"Alhamdulillah, selepas ini kami tidak perlu lagi risau kerana ruang solat sudah besar dan mampu menampung jumlah jemaah yang semakin ramai," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pengisytiharan Naik Taraf Surau Al-Mu'allimin di Taman Guru, di sini.

Ia disempurnakan Timba-

lan Mufti Negeri Sembilan, Nor Azamir Alias.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paroi Mohd Ghazali Abd Wahid; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) Datuk Selamat Paigo dan Pengerusi Masjid Kariah Al-Mu'allimin Datuk Dr Abdul Rahman Kaeh.

Abdul Rahman berkata,

sejak 2016, surau itu mendapat kebenaran untuk diadakan solat Jumaat, selepas masjid berhampiran tidak mampu menampung jumlah jemaah yang semakin ramai.

Bagaimanapun katanya, selepas itu, surau berkenaan pula semakin padat berikutan pembangunan yang semakin pesat di kawasan berhampiran.

"Jawatankuasa surau ke-

mudian membuat permohonan supaya ia dinaik taraf menjadi masjid bagi membolehkan ruang tingkat atas digunakan untuk solat Jumaat.

"Syukur permohonan itu diterima. Jadi, masjid ini mampu menampung sehingga lebih 900 jemaah untuk solat Jumaat, berbanding kira-kira 700 orang, sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Mohamad

berkata, beliau pernah menyuarakan pandangan kepada pengerusi Surau Al-Mu'allimin supaya memohon surau itu dinaik taraf kepada masjid berikutan ahli kariah semakin bertambah disebabkan kawasan itu pesat membangun.

"Ketika itu, jawatankuasa surau kurang bersetuju kerana belum bersedia menggalas tanggungjawab yang lebih besar," katanya.

HARIAN METRO - M/S 72 - 27/3/2018 - SELASA